

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti kejiranan dalam kalangan masyarakat. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Apa?
Siapa?
Bagaimana?
di mana?
Bila?

AKTIVITI KEJIRANAN



Bergotong-royong



Amalan ziarah-menziarahi



Rumah Terbuka

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Remaja hari ini gemar memakan makanan ringan.
Bincangkan punca-punca dan kesan-kesan pengambilan makanan ringan kepada remaja.
masalah bronk
- 2 Ibu bapa memainkan peranan yang utama dalam memastikan anak-anak mengamalkan nilai kebersihan dalam kehidupan.
ada kesedaran
mudah sedap
meningkatkan masa
Jelaskan pernyataan tersebut.
- 3 Anda mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan peringkat sekolah yang dianjurkan oleh Kelab Komputer. Tajuk syarahan anda ialah "Usaha-usaha Meningkatkan Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Kalangan Rakyat."
Sediakan teks syarahan itu selengkapnya.
- 4 Malaysia dan negara serantau saling bekerjasama untuk meningkatkan taraf hidup rakyat masing-masing.
Sarankan bentuk kerjasama yang dapat dijalankan untuk mencapai matlamat tersebut.

5

Ya Ilahi Tuhan yang Rahman,
Teguhkan bangsaku di dalam iman,
Ke arah perpaduan berikan pedoman,
Agar sejahtera zaman-berzaman.
-Syair Jong Pecah-

Petikan syair di atas menggambarkan bahawa nilai perpaduan amat penting dalam kehidupan.

Huraikan kepentingan perpaduan dalam kehidupan masyarakat majmuk.

KERTAS SOALAN TAMAT